



127 APR 1988

NEGERI TERENGGANU

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF TERENGGANU GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 41
Bil. 4

25hb Februari 1988

TAMBAHAN No. 4
PERUNDANGAN

Tr. P.U. 4.

ENAKMEN INDUSTRI BERASAS KAYU 1986

KAEDAH-KAEDAH INDUSTRI BERASAS KAYU 1986

SUSUNAN KAEADAH

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Kaedah

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

PELESENAN INDUSTRI-INDUSTRI BERASAS KAYU

3. Permohonan bagi lesen berkenaan dengan industri berasas kayu hendaklah atas borang yang ditetapkan.
4. Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pengarah.
5. Fee.
6. Borang lesen.
7. Pelan rekabentuk dan susunatur kilang.
8. Tapak bagi industri berasas kayu hendaklah mendapat kelulusan terlebih dahulu.
9. Had masa bagi mendirikan industri berasas kayu.
10. Pemindahmilikan lesen.

BAHAGIAN III

AM

11. Pemeriksaan industri berasas kayu.
12. Mempamerkan lesen dan pelan yang diluluskan.
13. Rekod kilang.
14. Kebenaran untuk mengendali pada waktu malam.
15. Maklumat yang kena diberikan.
16. Kesalahan-kesalahan.

JADUAL PERTAMA

Permohonan untuk menempatkan tapak, membina, mendirikan, menubuhkan, mengendalikan atau menyenggara industri berasas kayu.

JADUAL KEDUA

- BORANG A Lesen kilang papan/papanlapis/venir/papan blok.
- BORANG B Lesen kilang kerja kayu/perabot/kayu kumai.
- BORANG C Lesen kilang papan gentian/papan serpai/pulpa.
- BORANG D Lesen kilang papan bergerak.
- BORANG E Lesen tanur arang.

JADUAL KETIGA

FEE

RM 10.00

disebabkan

perlu mengeluaran sumbangan

menurut T.T. 2

11/2013/11/18

Diluluskan pada hari ini oleh

Pengerusi Jawatankuasa Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan
dan merupakan bertindak tunduk dalam undang-undang

Akta 34 (Akta 2007) mengikut peraturan yang ditetapkan

berdasarkan undang-undang yang berkuatkuasa

Untuk memberi maklumat bahawa persetujuan ini diberikan
sejajar dengan undang-undang yang berkuatkuasa.

Untuk maklumat tambahan, sila hubungi agensi berikut:

Jawatankuasa Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Jalan 10/11, 40100 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan

ENAKMEN INDUSTRI BERASAS KAYU 1986

Kaedah-Kaedah Industri Berasas Kayu 1986

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 28 *En. Tr. No. 4/86.*
Enakmen Industri Berasas Kayu 1986, Pihak Berkuasa Negeri membuat Kaedah-Kaedah yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Kaedah-Kaedah ini boleh dinamakan **Kaedah-Kaedah Industri Berasas Kayu 1986** dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1 Mac 1988.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

Tafsiran.

“Enakmen” erti Enakmen Industri Berasas Kayu 1986;

“lesen” erti lesen yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri di bawah Enakmen berkenaan dengan sesuatu industri berasas kayu;

“pemegang lesen” erti pemegang suatu lesen yang sah berkenaan dengan sesuatu industri berasas kayu.

BAHAGIAN II

PELESENAN INDUSTRI-INDUSTRI BERASAS KAYU

3. Permohonan untuk menempatkan tapak, membina, mendirikan, menubuhkan, mengendalikan atau menyenggara sesuatu industri berasas kayu hendaklah dibuat atas borang yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Permohonan bagi lesen berkenaan dengan industri berasas kayu hendaklah atas borang yang ditetapkan.

4. (1) Tiap-tiap permohonan bagi lesen untuk menempatkan tapak, membina, mendirikan, menubuhkan, mengendalikan atau menyenggara sesuatu industri berasas kayu hendaklah dikemukakan kepada Pengarah bersama semua butir dan maklumat yang dinyatakan dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pengarah.

- (2) Pemohon hendaklah juga memberi kepada Pengarah butir-butir dan maklumat-maklumat lanjut yang berhubungan dengan permohonannya sebagaimana yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Negeri atau oleh Pengarah.

5. Tertakluk kepada subseksyen (1) seksyen 6 Enakmen, fee yang kena dibayar bagi sesuatu lesen berkenaan dengan sesuatu industri berasas kayu hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

Fee.

6. (1) Lesen untuk menempatkan tapak, membina, mendirikan, menubuhkan, mengendalikan atau menyenggara—

Borang lesen.

- (a) kilang papan, kilang papan lapis, kilang venir atau kilang papan blok hendaklah seperti dalam Borang A dalam Jadual Kedua;

- (b) kilang kerja kayu, kilang perabot atau kilang kayu kumai hendaklah seperti dalam Borang B Jadual Kedua;
- (c) kilang papan gentian, kilang papan serpai atau kilang pulpa hendaklah seperti dalam Borang C Jadual Kedua;
- (d) kilang papan bergerak hendaklah seperti dalam Borang D Jadual Kedua;
- (e) tanur arang hendaklah seperti dalam Borang E Jadual Kedua.

(2) Lesen untuk menempatkan tapak, membina, mendirikan, menubuhkan, mengendalikan atau menyenggara sesuatu industri berasas kayu selain daripada yang dinyatakan dalam subseksyen (1) hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Pelan rekabentuk dan susunatur kilang.

7. Jika sesuatu permohonan adalah bagi suatu lesen untuk menempatkan tapak, membina, mendirikan, menubuhkan, mengendalikan atau menyenggara kilang papan, kilang papan lapis, kilang venir, kilang kayu kumai, kilang perabot, kilang kerja kayu, kilang papan blok, kilang papan gentian, kilang papan serpai, kilang pulpa atau kilang lain sebagaimana yang dinyatakan oleh Pengarah, pemohon hendaklah mengemukakan 4 set pelan, iaitu pelan tempat, tapak, bangunan dan susunatur jentera, bersama dengan borang permohonannya.

Tapak bagi industri berasas kayu hendaklah mendapat kelulusan terlebih dahulu.

8. Tapak tempat sesuatu industri berasas kayu yang akan didirikan atau dikendalikan, ia hendaklah mendapat kelulusan pihak-pihak berkuasa yang relevan terlebih dahulu dan tuan punya tanah hendaklah patuh pada setiap masa kepada semua peraturan yang berkaitan dengan tanah tempat terletaknya industri itu.

Had masa bagi mendirikan industri berasas kayu.

9. Jika Pihak Berkuasa Negeri meluluskan pendirian sesuatu industri berasas kayu yang baru atau apa-apa tambahan, variasi atau perubahan kepadanya, maka hendaklah ditetapkan suatu had masa yang tidak lebih daripada satu tahun kalender bagi menyiapkan binaan, tambahan, variasi atau perubahan itu dan Pihak Berkuasa Negeri boleh memberi perlanjutan masa lagi sebagaimana yang difikirkannya patut.

Pemindah-milikan lesen.

10. (1) Lesen yang dikeluarkan untuk menempatkan tapak, membina, mendirikan, menubuhkan, mengendalikan atau menyenggara sesuatu industri berasas kayu tidak boleh diserahkan atau dipindahmilikkan tanpa kelulusan bertulis Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Permohonan bagi menyerahkan atau memindahmilikkan sesuatu lesen hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pengarah yang kemudiannya hendaklah merujukkan perkara ini kepada Pihak Berkuasa Negeri.

BAHAGIAN III

AM

Pemeriksaan industri ber - asas kayu.

11. Mana-mana pegawai hutan yang berpangkat tidak rendah daripada Pengawas Hutan dan yang diberikuasa dengan sempurnanya, hendaklah, pada setiap masa yang munasabah, berhak

memeriksa mana-mana bahagian sesuatu industri berasas kayu dan pemegang lesen, ejen-cjennya dan pekerja-pekerjanya hendaklah memberikan bantuan sebagaimana yang dikehendaki oleh pegawai itu semasa pemeriksaan itu.

12. Pemegang lesen hendaklah, pada setiap masa, mempamerkan lesen yang sah dan pelan susunatur jentera yang diluluskan di premis industri berasas kayunya dan lesen serta pelan itu boleh diperiksa pada bila-bila masa oleh mana-mana pegawai hutan yang diberikuasa.

Mempamerkan lesen dan pelan yang diluluskan.

13. Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah menyimpan—

Rekod kilang.

- (a) suatu rekod mengenai ukuran semua kayu ditukar bentuk yang dibawa ke dalam premis industri berasas kayu itu;
- (b) suatu rekod mengenai jumlah dan jenis hasil hutan ditukar bentuk yang dikilang;
- (c) suatu rekod mengenai semua penjualan dan pembelian hasil-hasil hutan yang lain;
- (d) suatu rekod mengenai semua orang yang bekerja dengannya; dan
- (e) suatu rekod mengenai apa-apa perkara lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Pengarah, mengikut cara dan dalam bentuk sebagaimana yang diarahkan oleh Pengarah.

14. Tiada seorang pemegang lesen pun boleh mengendalikan sesuatu industri berasas kayu di antara pukul 7 malam dengan pukul 7 pagi melainkan jika dibenarkan selainnya secara bertulis oleh Pengarah.

Kebenaran untuk mengendalikan pada waktu malam.

15. Pengarah boleh, pada bila-bila masa, melalui notis bertulis, menghendaki mana-mana pemegang lesen memberikan apa-apa butir atau maklumat berkaitan dengan mana-mana aktiviti industri berasas kayunya.

Maklumat yang mesti diberikan.

16. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini atau mana-mana syarat atau sekatan yang dikenakan atas sesuatu lesen yang dikeluarkan berkenaan dengan sesuatu industri berasas kayu adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh yang tidak melebihi satu tahun atau denda yang tidak melebihi dua ribu ringgit atau kedua-duanya penjara dan denda itu.

Kesalahan-kesalahan.

JADUAL PERTAMA

PERMOHONAN BAGI LESEN UNTUK MENEMPATKAN TAPAK, MEMBINA, MENDIRIKAN, MENUBUHKAN, MENGENDALIKAN DAN/ATAU MENYENGGARA INDUSTRI BERASAS KAYU

(KAEDAH 3 KAEDAH-KAEDAH INDUSTRI BERASAS KAYU 1986)

1. Nama pemohon: No. K.P.P.N:
2. Alamat:
3. Butir-butir Syarikat:
 (i) Nama Syarikat:

(ii) Tarikh diperbadankan:

(iii) Alamat Pejabat Berdaftar:

.....

(iv) No. Telefon:

*4. Jenis Industri Berasas Kayu:

5. Tempat Kilang:

(i) Alamat:

.....

(ii) Luas Tanah:

(iii) Status Tanah:

(iv) Maklumat lain:

* Masukan jenis industri misalnya Kilang Papan, Kilang Papan Lapis, Kilang Venir, Kilang Kerja Kayu, Kilang Kayu Kumai, Kilang Perabot, dsb.

6. Kos Projek (\$):

(i) Tanah

(ii) Bangunan

(iii) Loji & Jentera

(iv) Kelengkapan Lain

(v) Modal Kerja

7. Senaraikan jenis keluaran-keluaran yang akan dihasilkan:

.....
.....
.....

8. Butir-butir pekerjaan bagi Industri Berasas Kayu yang dicadangkan:

(i) Profesional

(ii) Bukan Profesional

(iii) Teknik & Penyeliaan

(iv) Perkeranian

(v) Tenaga Mahir

(vi) Lain-lain

JUMLAH

9. Maklumat lain:

.....
.....

- *10. Saya dengan ini mengemukakan dokumen-dokumen yang berikut—
 (i) Perakuan Pendaftaran Syarikat
 (ii) Hak Milik Tanah/Geran/Lesen Penduduk
 (iii) Kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (jika berkenaan)

Tarikh: *Tandatangan Pemohon*

Nama :

Jawatan :

* Lampirkan salinan fotostat.

KERAJAAN NEGERI

KAEDAH-KAEDAH INDUSTRI BERASAS KAYU 1986

JADUAL KEDUA

BORANG A

Rujukan

Jabatan Hutan

**LESEN KILANG PAPAN/PAPAN LAPIS/VENIR/
PAPAN BLOK***

(Kaedah 6(1)(a))

NO. LESEN

Lesen ini membenarkan yang beralamat di untuk menempatkan tapak, membina, mendirikan, menubuhkan, mengendalikan dan/atau menyenggara suatu kilang papan/papan lapis/venir/papan blok* yang akan dikenali sebagai di

bagi tempoh atau tempoh-tempoh yang dinyatakan dalam Lampiran A dan tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:—

1. Pemegang Lesen tidak boleh—
 - (a) memindahmilikkan lesen ini;
 - (b) menyewakan, memajakkan, meminjamkan, mengadaikan atau menjual keseluruhan kilang atau mana-mana bahagiannya atau apa-apa kelengkapan atau mana-mana bahagian apa-apa kelengkapan di dalam kilang; atau
 - (c) membuat apa-apa pertukaran dalam pemegangan saham keseluruhan kilang atau mana-mana bahagiannya.

tanpa kelulusan bertulis Pihak Berkuasa Negeri.

2. Lesen ini hendaklah tertakluk pada setiap masa kepada Laporan Pemeriksaan/Perakuan Kelayakan yang sah yang dikeluarkan di bawah Akta Kilang dan Jentera 1967 atau kebenaran bertulis Pemeriksa Kilang dan Jentera di bawah Akta itu yang berkuatkuasa berkenaan dengan kilang papan/papan lapis/venir/papan blok* ini.

Akta 139.

3. Kilang papan/papan lapis/venir/papan blok* ini hendaklah terdiri daripada jentera yang disenaraikan dalam Lampiran B. dan tiada suatu jentera pun boleh ditambah kepada atau dipindahkan dari kilang tanpa kebenaran bertulis Pengarah Hutan Negeri.
4. Kilang papan/papan lapis/venir/papan blok* ini hendaklah dibina mengikut pelan tempat, tapak, susunatur dan bangunan yang diluluskan oleh Pengarah Hutan Negeri tiada perubahan/tambahan boleh dilakukan tanpa kebenaran bertulis Pengarah Hutan Negeri.
5. Lesen ini bersama pelan-pelan yang diluluskan hendaklah sentiasa dipamerkan di tempat yang jelas kelihatan di premis kilang.
6. Akses ke semua bahagian bangunan dan premis kilang hendaklah diberikan kepada mana-mana pegawai hutan pada bila-bila masa dan, bagi maksud pemeriksaan, mana-mana jentera yang sedang bergerak hendaklah diberhentikan apabila dikehendaki oleh pegawai hutan itu.
7. Tiada suatu jaminan atau akuanji pun diberikan atau membayangkan bahawa kawasan-kawasan hutan yang mencukupi untuk membekalkan balak kepada kilang papan/papan lapis/venir/papan blok* akan dibuka kepada atau disediakan bagi pemegang lesen.
8. Kilang papan/papan lapis/venir/papan blok* hendaklah dijaga supaya bersih pada setiap masa dan semua penge- luaran, pelepasan, peletakan atau pelupusan buangan atau pencemaran kebisingan dan pelepasan bau hendaklah menepati standard-standard yang ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar yang berkuatkuasa.

Akta 127.

9. Semua balak di dalam kawasan kilang hendaklah dinombor- kan secara bersiri sebaik sahaja balak-balak itu dibawa masuk ke dalam kawasan kilang dan direkodkan dalam suatu Daftar dalam bentuk yang ditetapkan oleh Pengarah Hutan Negeri dari semasa ke semasa. Pemegang lesen hendaklah juga mengemukakan kepada Pengarah Hutan Negeri suatu penyata bulanan yang menunjukkan angka- angka yang betul bagi masukan isipadu kayu bulat dan angka-angka yang bersamaan berkenaan dengan kayu ditukar bentuk/papan lapis/venir/papan blok*, dan penyata itu hendaklah sampai kepada Pengarah Hutan Negeri tidak lewat daripada lima hari bulan tiap-tiap bulan.

SYARAT-SYARAT TAMBAHAN

Tarikh Dikeluarkan

.....
PENGARAH HUTAN NEGERI

* Potong yang tidak berkenaan.

LAMPIRAN A (BORANG A)

TEMPOH SAH LESEN INI

LAMPIRAN B (BORANG A)

Bant-Bant Mendumai Keling Yang Mengeluari Tanah
Labis\Acut\Papan Blop*

Dari	Hingga	No. Resit	Tarikh	Fee Tahunan	Tandatangan Pengarah Hutan Negeri
					Wise Gedali
					Gedali Besip
					No. 1
					No. 2
					Gedali Rang
					No. 1
					No. 2
					No. 3
					No. 4
					No. 5
					Gedali Besip
					Pini
					No. 1
					No. 2

* Bant-Bant Yang Tidak Dikeluarkan

LAMPIRAN B (BORANG A)

Butir-Butir Mengenai Jentera Yang Menjadi Kilang Papan/Papan Lapis/Venir/Papan Blok*

(a) Meja Gergaji

Meja Gergaji	Jenis	Buatan	Huluran	Garispusat Gergaji/Takal mm	Kuasa kw
Gergaji Belah					
No. 1					
No. 2					
Gergaji Racik					
No. 1					
No. 2					
No. 3					
No. 4					
No. 5					
No. 6					
Gergaji Belah Lain					
No. 1					
No. 2					

* Potong yang tidak berkenaan.

(b) Bindu

(a) Joli Pengawetan Kaya

Bindu	Panjang maksimum blok pengupas m	Kuasa kw	Buatan
No. 1			No. 1
No. 2			No. 2
No. 3			No. 3
No. 4			No. 4
No. 5			No. 5

(c) Tumbuhan Penghasil Kayu

(c) Mesin-Mesin Lain

Mesin	Jenis	Buatan	Saiz mm	Kuasa kw
No. 1				
No. 2				
No. 3				
No. 4				
No. 5				

(Gunakan lembaran berasingan jika perlu)

(d) Loji Pengawetan Kayu

Loji	Jenis	Buatan	Saiz (Garispusat dan Panjang) atau (Panjang dan Lebar dan Tinggi) m	Kapasiti m ³
No. 1				
No. 2				
No. 3				
No. 4				

(e) Tanur Pengering Kayu

Loji	Jenis	Buatan	Saiz (Panjang dan Lebar dan Tinggi) (Garispusat dan Panjang) atau m	Kapasiti m ³ /caj
1	1	1	1	1
2	2	2	2	2
3	3	3	3	3
4	4	4	4	4
5	5	5	5	5

KERAJAAN NEGERI AIA

KAEDAH-KAEDAH INDUSTRI BERASAS KAYU 1986

JADUAL KEDUA

BORANG B

Rujukan

LESEN KILANG KERJA/KAYU/PERABOT/KAYU KUMAI*

(Kaedah 6(1)(D))

NO. LESEN

Lesen ini membenarkan
yang beralamat di
untuk menempatkan tapak, membina, mendirikan, menubuhan,
mengendalikan atau menyenggara suatu kilang kerja kayu/perabot/
kayu kumai* yang akan dikenali sebagai
di
selama tempoh atau tempoh-tempoh yang dinyatakan dalam
Lampiran A dan tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:—

1. Pemegang lesen tidak boleh—
 - (a) memindahmilikkan lesen ini;
 - (b) menyewakan, memajakkan, meminjamkan, menggadaikan
atau menjual keseluruhan kilang atau mana-mana
bahagiannya atau apa-apa kelengkapan atau mana-mana
bahagian apa-apa kelengkapan di dalam kilang; atau
 - (c) membuat apa-apa pertukaran dalam pemegang saham
keseluruhan kilang atau mana-mana bahagiannya,
tanpa kelulusan bertulis Pihak Berkuasa Negeri.
2. Lesen ini hendaklah tertakluk setiap masa kepada Laporan
Pemeriksaan/Perakuan Kelayakan yang sah yang dikeluar-
kan di bawah Akta Kilang dan Jentera 1967 atau kebenaran *Akta 139*,
bertulis Pemeriksa Kilang dan Jentera di bawah Akta itu
yang berkuatkuasa berkenaan dengan kilang kerja kayu/
perabot/kayu kumai* ini.
3. Kilang kerja kayu/perabot/kayu kumai* ini hendaklah
terdiri daripada jentera yang disenaraikan dalam Lampiran
B, dan tiada suatu jentera pun boleh ditambah kepada
atau dipindahkan dari kilang tanpa kebenaran bertulis
Pengarah Hutan Negeri.
4. Kilang kerja kayu/perabot/kayu kumai* ini hendaklah
dibina mengikut pelan tempat, tapak, susunatur dan
bangunan yang diluluskan oleh Pengarah Hutan Negeri
dan tiada perubahan/tambahan boleh dilakukan tanpa
kebenaran bertulis Pengarah Hutan Negeri.
5. Lesen ini bersama pelan-pelan yang diluluskan hendaklah
sentiasa dipamerkan di tempat yang jelas kelihatan di premis
kilang.

6. Akses ke semua bahagian bangunan dan premis kilang hendaklah diberikan kepada mana-mana pegawai hutan pada bila-bila masa dan, bagi maksud pemeriksaan, mana-mana jentera yang sedang bergerak hendaklah diberhentikan apabila dikehendaki oleh pegawai hutan itu.
 7. Kilang kerja kayu/perabot/kayu kumai* ini hendaklah digunakan untuk mengilang keluaran-keluaran kayu siap atau separuh siap daripada kayu gergaji, rotan, buluh dan hasil hutan lain. Tidak sekali-kali dibenarkan balak daripada apa-apa jenis, termasuk balak yang telah dibelah empat atau dibelah dua, dibawa masuk ke dalam atau diproses di dalam kawasan kilang.
 8. Tidak sekali-kali dibenarkan kayu gergaji kasar dijual sama ada secara lansung atau secara tidak lansung bagi pasaran eksport atau pasaran tempatan.
 9. Pemegang lesen hendaklah menyenggara suatu rekod yang menunjukkan kayu/rotan/buluh* dan hasil hutan lain yang dibawa ke dalam kilang untuk diproses, dan hasil penge- luaran keluaran-keluaran siap atau separuh siap dari kilang itu setiap hari.
 10. Kilang kerja kayu/perabot/kayu kumai* itu hendaklah dijaga supaya bersih pada setiap masa dan semua pengeluaran, pelepasan, peletakan atau pelupusan buangan atau pence- maran kebisingan dan pelepasan bau hendaklah menepati standard-standard yang ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Akta 127.

SYARAT-SYARAT TAMBAHAN

Tarikh Dikeluarkan:

PENGARAH ALILITAN NEGERI

PENGARAH HUTAN NEGE

* Potong yang tidak berkenaan

Tolong yang tidak berkenaan.

LAMPIRAN A (BORANG B)

TEMPOH SAH LESEN INI

LAMPIRAN B (BORANG B)

Bentuk-paut mencungguai Jenggeri

(a) Mcaj Gelingi

Dari	Hingga	No. Resit	Tarikh	Fee Tahunan	Tandatangan Pengarah Hutan Negeri
					Gelingi Gelingi No. 1
					No. 2
					No. 3
					Gelingi Jalan No. 1
					No. 2
					No. 3
					Gelingi Lur No. 1
					No. 2
					No. 3

LAMPIRAN B (BORANG B)

Butir-butir mengenai Jentera.

(a) Meja Gergaji

- (i) Bagi gergaji Gelung atau gergaji Talam atau gergaji belah lain yang boleh memotong sedalam tidak lebih daripada 38 cm.

Meja Gergaji	Jenis	Buatan	Huluran	Garispusat Gergaji/Takal mm	Kuasa kw
Gergaji Gelung					
No. 1					
No. 2					
No. 3					
Gergaji Talam					
No. 1					
No. 2					
No. 3					
Gergaji Lain					
No. 1					
No. 2					
No. 3					

(b) Mesin-Mesin Lain

Tabel Pengeluaran Kayu (b)

Mesin	Jenis	Buatan	Saiz mm	Kuasa kw
No. 1				
No. 2				
No. 3				
No. 4				
No. 5				

(Gunakan lembaran berasingan jika perlu)

(c) Loji Pengawetan Kayu

Loji	Jenis	Buatan	Saiz (Garispusat dan Panjang) atau (Panjang dan Lebar dan Tinggi) m	Kapasiti m ³
No. 1				
No. 2				
No. 3				
No. 4				

(d) Tanur Pengering Kayu

KERAJAAN NEGERI
Kaedah-Kaedah Industri Berasas Kayu 1986

JADUAL KEDUA
BORANG C
Rujukan
Jabatan Hutan
LESEN KILANG PAPAN GENTIAN/PAPAN
SERPAI/PULPA*
(Kaedah 6(1)(c))

NO. LESEN
Lesen ini membenarkan
yang beralamat di
untuk menempatkan tapak, membina, mendirikan, menubuhkan,
mengendalikan atau menyenggara suatu kilang papan gentian/
papan serpai/pulpa* yang akan dikenali sebagai
di
selama tempoh atau tempoh-tempoh yang dinyatakan dalam
Lampiran A dan tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:—

1. Pemegang lesen tidak boleh—
 - (a) memindahmilikan lesen ini;
 - (b) menyewakan, memajakkan, meminjamkan, mengadai-kan atau menjual keseluruhan kilang atau mana-mana bahagiannya atau apa-apa kelengkapan atau mana-mana bahagian apa-apa kelengkapan di dalam kilang; atau
 - (c) membuat apa-apa pertukaran dalam pemegang saham keseluruhan kilang atau mana-mana bahagiannya,
tanpa kelulusan bertulis Pihak Berkuasa Negeri.
2. Lesen ini hendaklah tertakluk pada setiap masa kepada Laporan Pemeriksaan/Perakuan kelayakan yang sah yang dikeluarkan di bawah Akta Kilang dan Jentera 1967 atau kebenaran bertulis Pemeriksa Kilang dan Jentera di bawah Akta itu yang berkuatkuasa berkenaan dengan kilang papan gentian/papan serpai/pulpa ini*. Akta 139.
3. Kilang papan gentian/papan serpai/pulpa* ini hendaklah terdiri daripada jentera yang disenaraikan dalam Lampiran B dan tiada suatu jentera pun boleh ditambah kepada atau dipindahkan dari kilang tanpa kebenaran bertulis Pengarah Hutan Negeri.
4. Kilang papan gentian/papan serpai/pulpa* ini hendaklah dibina mengikut pelan tempat, tapak, susunatur dan bangunan yang diluluskan oleh Pengarah Hutan Negeri dan tiada perubahan/tambahan boleh dilakukan tanpa kebenaran bertulis Pengarah Hutan Negeri.

5. Lesen ini bersama pelan-pelan yang diluluskan hendaklah sentiasa dipamerkan di tempat yang jelas kelihatan di premis kilang.
6. Akses ke semua bahagian bangunan dan premis kilang hendaklah diberikan kepada mana-mana pegawai hutan pada bila-bila masa dan, bagi maksud pemeriksaan, mana-mana jentera yang sedang bergerak hendaklah diberhentikan apabila dikehendaki oleh pegawai hutan itu.
7. Pemegang lesen hendaklah menyenggara suatu rekod yang menunjukkan kayu dan hasil hutan lain yang dibawa ke dalam kilang untuk diproses dan hasil pengeluaran keluaran-keluaran siap atau separuh siap dari kilang setiap hari.
8. Kilang ini hendaklah dijaga supaya bersih pada setiap masa dan semua pengeluaran, pelepasan, peletakan atau pelupusan buangan atau pencemaran kebisingan dan pelepasan bau hendaklah menepati standard-standard yang ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar yang berkuatkuasa.

SYARAT-SYARAT TAMBAHAN

Tarikh Dikeluarkan

.....
PENGARAH HUTAN NEGERI

* Potong yang tidak berkenaan.

LAMPIRAN A (BORANG C)

TEMPOH SAH LESENINI

Dari	Hingga	No. Resit	Tarikh	Fee Tahunan	Tandatangan Pengarah Hutan Negeri
2020-01-01	2020-01-31	Resit No. 1	1 Jan 2020	Rm 100.00	No. 1
2020-02-01	2020-02-29	Resit No. 2	1 Feb 2020	Rm 100.00	No. 2
2020-03-01	2020-03-31	Resit No. 3	1 Mar 2020	Rm 100.00	No. 3
2020-04-01	2020-04-30	Resit No. 4	1 Apr 2020	Rm 100.00	No. 4
2020-05-01	2020-05-31	Resit No. 5	1 May 2020	Rm 100.00	No. 5
2020-06-01	2020-06-30	Resit No. 6	1 Jun 2020	Rm 100.00	No. 6
2020-07-01	2020-07-31	Resit No. 7	1 Jul 2020	Rm 100.00	No. 7
2020-08-01	2020-08-31	Resit No. 8	1 Aug 2020	Rm 100.00	No. 8
2020-09-01	2020-09-30	Resit No. 9	1 Sep 2020	Rm 100.00	No. 9
2020-10-01	2020-10-31	Resit No. 10	1 Oct 2020	Rm 100.00	No. 10
2020-11-01	2020-11-30	Resit No. 11	1 Nov 2020	Rm 100.00	No. 11
2020-12-01	2020-12-31	Resit No. 12	1 Dec 2020	Rm 100.00	No. 12
(Gantikan suruhanjaya pengarahan atau berikut)					
(6) Jumlah pembayaran Rm					
Rm 1200.00					
(Terdapat tanda tangan di bawah)					
Kepada					
Dari					

LAMPIRAN B (BORANG C)

Butir-butir mengenai Jentera

(a) Mesin

Mesin	Jenis	Buatan	Saiz mm	Kuasa kw
No. 1				
No. 2				
No. 3				
No. 4				
No. 5				

(Gunakan lembaran berasingan jika perlu)

(b) Tanur Pengering Kayu

Unit	Jenis	Buatan	Saiz (Panjang x Lebar x Tinggi) m	Kapasiti m^3/caj

(c) Loji Pengawetan Kayu

KERJALAN NEGARA

KERAJAAN NEGERI

KAEDAH-KAEDAH INDUSTRI BERASAS KAYU 1986

JADUAL KEDUA

BORANG D

Rujukan

Jabatan Hutan

LESEN KILANG PAPAN BERGERAK

(Kaedah 6(1)(d))

NO. LESEN

Lesen ini membenarkan
yang beralamat di

..... untuk
mengendalikan suatu kilang papan bergerak yang akan dikenali
sebagai
di tapak yang ditunjukkan dalam pelan tempat yang dilampirkan
kepada lesen ini, selama tempoh atau tempoh-tempoh yang dinyata-
kan dalam Lampiran A dan tertakluk kepada syarat-syarat yang
berikut—

1. Pemegang lesen tidak boleh—
 - (a) memindahmilikkan lesen ini;
 - (b) menyewakan, memajakkan, meminjamkan, mengadai-
kan atau menjual keseluruhan kilang atau mana-mana
bahagiannya atau apa-apa kelengkapan atau mana-mana
bahagian apa-apa kelengkapan di dalam kilang,
tanpa kelulusan bertulis Pihak Berkuasa Negeri.
2. Kilang papan bergerak ini hendaklah terdiri daripada Jentera
yang diperincikan dalam Lampiran B, dan tiada suatu jentera
pun boleh ditambah kepada atau dipindahkan dari kilang
tanpa kebenaran bertulis Pihak Berkuasa Negeri.
3. Pengendalian kilang papan bergerak ini terhad kepada
kawasan/estet* seperti ditunjukkan dalam pelan tapak yang
dilampirkan kepada lesen ini.
4. Kilang papan bergerak ini tidak boleh dialihkan dari tapak
yang ditunjukkan dalam pelan tapak yang dilampirkan kepada
lesen ini tanpa kebenaran bertulis Pengarah Hutan Negeri.
5. Gergaji yang digunakan hendaklah daripada jenis yang
boleh dipindah-pindahkan dan tidak terlekat secara kekal
kepada mana-mana tapak kekal.
6. Akses ke semua bahagian bangunan kilang hendaklah
diberikan kepada mana-mana pegawai hutan pada bila-bila
masa dan, bagi maksud pemeriksaan, mana-mana jentera
yang sedang bergerak hendaklah diberhentikan apabila
dikehendaki oleh pegawai hutan.
7. Sekiranya kilang ini beroperasi di atas tanah milik, adalah
menjadi tanggungjawab pemegang lesen mendapatkan kebe-
naruan ekses bagi pegawai-pegawai hutan bagi pemeriksa
kilangnya.

8. Pemegang lesen hendaklah menyenggara suatu rekod yang menunjukkan kayu dan hasil hutan lain yang dibawa ke dalam kilang untuk diproses dan hasil pengeluaran keluaran siap dan separuh siap dari kilang setiap hari.
9. Kilang papan bergerak ini hendaklah dijaga supaya bersih pada setiap masa dan semua pengeluaran, pelepasan, peletakan atau pelupusan buangan atau pencemaran kebisingan dan bau hendaklah menepati standard-standard yang ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar yang berkuatkuasa.
10. Pengendalian kilang ini adalah di atas risiko pemegang lesen ini. Apa-apa kemalangan atau seumpamanya yang timbul dalam pengendalian kilang ini, tidaklah menjadi tanggungjawab Jabatan Perhutanan Negeri atau Kerajaan Negeri.

SYARAT-SYARAT TAMBAHAN

Tarikh Dikeluarkan:

.....
PENGARAH HUTAN NEGERI

* Potong yang tidak bekenaan.

LAMPIRAN A (BORANG D)

TEMPOH SAH LESENINI

LAMPIRAN B (BORANG D)

(c) Joli Penyelesaian Kajian

Butir-butir mengenai Jentera yang Menjadi Kilang Papan Bergerak.

(a) Meja Gergaji

Butiran	Jenis	Buatan	Garispusat Gergaji/Takal mm	Kuasa kw	Punca kuasa
1					
2					

(b) Mesin-mesin Lain

Butiran	Jenis	Buatan	Saiz mm	Kuasa kw
1				
2				

(Gunakan lembaran berasingan jika perlu)

(c) Loji Pengawetan Kayu

Loji	Jenis	Buatan	Saiz (Garispusat dan Panjang) atau (Panjang dan Lebar dan Tinggi) m	Kapasiti m ³

KERAJAAN NEGERI
 KADEAH-KADEAH INDUSTRI BERASAS KAYU 1986
 JADUAL KEDUA

BORANG E

Rujukan

Jabatan Hutan

LESEN TANUR ARANG
 (Kaedah 6(1)(e))

NO. LESEN

Lesen ini membenarkan
 yang beralamat di
 untuk menempatkan tapak, membina, mendirikan, menubuhkan,
 mengendalikan atau menyenggara* suatu tanur arang atau sekum-
 pulan tanur arang di selama tempoh atau
 tempoh-tempoh yang dinyatakan dalam Lampiran A, dan tertakluk
 kepada syarat-syarat yang berikut :—

1. Pemegang lesen tidak boleh—
 - (a) memindahmilikkan lesen ini;
 - (b) menyewakan, memajakkan, meminjamkan, menggadai-
kan atau menjual keseluruhan tanur atau mana-mana
bahagiannya; atau
 - (c) membuat apa-apa pertukaran dalam pemegangan saham
keseluruhan tanur atau mana-mana bahagiannya.
tanpa kelulusan bertulis Pihak Berkuasa Negeri.
2. Tanur atau kumpulan tanur ini hendaklah sebagaimana
yang dinyatakan dalam Lampiran B dan tidak sekali-kali
boleh ditambah atau dirombak daripada tapak yang dilulus-
kan tanpa kebenaran bertulis Pengarah Hutan Negeri.
3. Mana-mana pegawai hutan hendaklah dibenarkan memasuki
tapak tanur bagi maksud melawat/memeriksa tanur atau
kumpulan tanur itu pada bila-bila masa.
4. Pemegang lesen hendaklah menyenggara suatu rekod masuk-
an/hasil pengeluaran tanur/tanur-tanur itu dengan menyata-
kan kuantiti dan jenis kayu yang digunakan dan arang yang
dikeluarkan.
5. Tapak tanur dijaga supaya bersih pada setiap masa dan
semua pengeluaran, pelepasan, peletakan atau pelupusan
buangan atau pencemaran kebisingan dan pelepasan bau
hendaklah meneperi standard-standard yang ditetapkan di
bawah Akta Kualiti Alam Sekitar yang berkuatkuasa.

Akta 127.

SYARAT-SYARAT TAMBAHAN

Tarikh Dikeluarkan

PENGARAH HUTAN NEGERI

* Potong yang tidak berkenaan.

LAMPIRAN A (BORANG E)
TEMPOH SAH LESEN INI

Dari	Hingga	No. Resit	Tarikh	Fee Tahunan	Tandatangan Pengarah Hutan Negeri

19 SEPTEMBER 2014 HARGA XMAS

JABATAN PENGARAH HUTAN NEGERI

LAMPIRAN B (BORANG E)

Butir-butir Mengenai Tanur

Bil.	Garis-pusat (m)	Tinggi (m)		Bahan Buatan	Keluaran Purata
		Bumbung	Dinding		
100.00	220.00	Kgs A			(a) Fleuron
	300.00	Kgs B			
	100.00				(b) Gelas
	200.00				(c) Gelas Rakik (Garis-pusat tidak lebih daripada 20 cm dari garis bantuan perpipaan sedangkan 38 cm dari garis-pusatnya)
	300.00				(d) Gelas Belip (Garis-pusat tidak lebih daripada 30 cm dari garis bantuan perpipaan sedangkan 56 cm dari garis-pusatnya)
	400.00				(e) Mesin-wersi jauh (sejuk suam)
	500.00				(f) Gelas Belip/Wangai Air (sejuk suam)
	600.00				(g) Kisan Wangai/Bahan Lipis
	700.00				(h) Fleuron
	800.00				(i) Buidun (sejuk suam)
	900.00				(j) Pekalong (sejuk suam)
	1000.00				(k) Gelas Giong/Gelas Belip (sejuk suam)
	1100.00				(l) Blok-ponti Gore
	1200.00				(m) Mesin-wersi jauh (sejuk suam)
	1300.00				(n) Kisan Kali Kaya/Hatapol/Kayu Kunci
	1400.00				(o) Fleuron
	1500.00				(p) Jambu-jambu Almond (sejuk suam)
	1600.00				(q) Jamur-puras makan wespipi 10 persen pada
	1700.00				(r) Kiplopat (sejuk suam)
	1800.00				(s) Poli Lamur Pengcuring
	1900.00				(t) Fleuron
	2000.00				(u) Apasari Tumis sambal ijo 50ml (20 tas) (sejuk suam)
	2100.00				(v) Kapsul Tumis wespipi 50ml (20 tas) (sejuk suam)
	2200.00				(w) Folii Pengawat
	2300.00				(x) Fleuron
	2400.00				(y) Kapsul Folii suntai sian purane 50ml (26 tas)

JADUAL KETIGA

FEE

(Kaedah 5)

	<i>Setahun</i>
1. Kilang Papan	
(a) Lesen	Kelas A \$500.00
	Kelas B 300.00
(b) Gergaji Belah (setiap satu)	100.00
(c) Gergaji Racik (Garispusat takal lebih daripada 76 cm, garispusat plat lebih daripada 76 cm, atau berupaya memotong sedalam 38 cm. dan lebih) (setiap satu)	50.00
(d) Gergaji Belah (Garispusat takal kurang dari pada 76 cm, garispusat plat kurang daripada 76 cm atau berupaya memotong kurang dari pada 38 cm) (setiap satu)	30.00
(e) Mesin-mesin lain (setiap satu)	20.00
2. Gergaji Bergerak/Mudah Alih (setiap satu)	200.00
3. Kilang Venir/Papan Lapis	
(a) Lesen	1,000.00
(b) Bindu (setiap satu)	100.00
(c) Pelayang (setiap satu)	50.00
(d) Gergaji Gelong/Gergaji Belah (setiap satu)	50.00
(e) Blockboard Core Composer (setiap satu)	50.00
(f) Mesin-mesin lain (setiap satu)	20.00
4. Kilang Kerja Kayu/Perabot/Kayu Kumai	
(a) Lesen	30.00
(b) Jumlah kuasa mesin sama atau kurang 10 kuasa kuda 7 kilowatt (setiap satu)	10.00
(c) Jumlah kuasa mesin melebihi 10 kuasa kuda/ 7 kilowatt (setiap satu)	20.00
5. Loji Tanur Pengering	
(a) Lesen	100.00
(b) Kapasiti Tanur sama atau kurang 70m ³ (50 tan) (setiap satu)	30.00
(c) Kapasiti Tanur melebihi 70m ³ (50 tan) (setiap satu)	50.00
6. Loji Pengawet	
(a) Lesen	100.00
(b) Kapasiti Loji sama atau kurang 70m ³ (50 tan) (setiap satu)	30.00

	<i>Setahun</i>
(c) Kapasiti Loji melebihi 70m ³ (50 tan) (setiap satu)	\$50.00
7. Tanur Arang	
(a) Lesen	50.00
(b) Tanur (setiap satu)	5.00
8. Kilang Papan Blok	
(a) Lesen	1,000.00
(b) Bindu (setiap satu)	100.00
(c) Pelayang (setiap satu)	50.00
(d) Gergaji Gelong/Gergaji Belah (setiap satu)	50.00
(e) Blockboard Core Composer (setiap satu)	50.00
(f) Mesin-mesin lain (setiap satu)	20.00
9. Kilang Papan Serpai	
(a) Lesen	500.00
(b) Mesin Serpai (setiap satu)	50.00
(c) Mesin-mesin lain (setiap satu)	20.00
10. Lain-lain Industri Berasas Kayu	
(a) Lesen	500.00
(b) Mesin (setiap satu)	20.00
11. Mengantikan permit lesen yang hilang (setiap salinan)	10% daripada Fee Asal

Diperbuat pada 20 Oktober 1987.

[SUK. TR(S) 53/72/SK. 7 BHG.3; PUN. TR. 15/10. SJ. 3]

WAN ISA BIN LONG,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,
Terengganu

- 11. *...*
- 12. *...*
- 13. *...*
- 14. *...*
- 15. *...*
- 16. *...*
- 17. *...*